

Peningkatan hampir tujuh kali ganda berbanding hanya enam kes tahun lalu

# 41 kematian babit kanak-kanak, remaja

KOSMO (03/09/2021) M15 06

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 41 kes kematian Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berusia sejak bayi hingga 17 tahun setakat 30 Ogos lalu, iaitu peningkatan hampir tujuh kali ganda berbanding hanya enam kes pada tahun lalu.

Jumlah kematian itu adalah daripada 310,074 kes positif Covid-19 yang direkodkan bagi tempoh sama melibatkan kumpulan umur berkenaan.

Berdasarkan data yang dikeluarkan KKM, kategori umur 13 hingga 17 tahun merekodkan kematian tertinggi dengan 16 kes daripada keseluruhan 89,087 kes yang dijangkiti Covid-19.

Menurutnya, sebanyak 15 kematian direkodkan melibatkan kumpulan umur bayi hingga 4 tahun daripada keseluruhan 81,168 kes positif bagi tempoh tersebut.

"Jumlah kematian dalam kategori umur 7 hingga 12 tahun pula



**NEGARA** mencatatkan 41 kematian akibat Covid-19 membabitkan individu berusia bawah 17 tahun sepanjang tahun ini. - GAMBAR HIASAN

merekodkan sembilan kematian berbanding hanya satu tahun lalu.

"Kumpulan umur ini juga merekodkan angka kes jangkitan tertinggi berbanding kategori usia lain dengan 106,823 kes," katanya di sini semalam.

Sementara itu, KKM berkata, hanya satu kematian membabitkan kumpulan umur 5 hingga 6 tahun berbanding sifar kematian tahun lalu.

"Jumlah itu daripada keseluruhan 32,996 kes yang direkodkan setakat Ogos lalu," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi sidang akhbar di KKM memaklumkan pemberian vaksin kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah masih belum mendapat kelulusan.

Beliau berkata, perkara itu sedang diteliti agensi pengawal seliaan sama ada badan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) mahupun Pihak Berkuasa Kawalan Kesihatan Kebangsaan (NHRA).